



Bantu pelajar buat pilihan

HTUMP salur maklumat program pengajian di UMP, beri tunjuk ajar secara terus

KUANTAN- Hari Terbuka Universiti Malaysia Pahang menjadi acara tahunan yang dirantikan oleh pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan yang setaraf dengannya untuk mendapatkan maklumat pendidikan tinggi bagi mengikuti program pengajian di universiti itu.

Hari Terbuka UMP 2016 (HTUMP) yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP Gambang, bermula semalam hingga 9 Mac ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ibu bapa dan pelajar untuk mendapatkan maklumat dalam membantu mereka membuat pilihan program yang tepat, bijak serta bersesuaian dengan kelayakan, minat dan cita-cita mereka.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP memberi peluang kepada masya-



DAING NASIR



Bakal pelajar akan mendapat bimbingan dan tunjuk ajar secara terus daripada warga UMP di HTUMP.

rakat untuk mengikuti perkembangan akademik dan penyelidikan di universiti itu di samping membantu bakal pelajar membuat pemilihan program bersesuaian dengan minat mereka.

Menurutnya, menerusi program itu, bakal pelajar akan mendapat bimbingan dan tunjuk ajar secara terus daripada warga UMP yang terlibat, termasuk membantu mengisi borang permohonan kemasukan pelajar ke IPT yang akan berakhir pada 5 April ini.

"UMP menawarkan 25 program ijazah sarjana muda dan lima program diploma bagi pengajian prasiswazah dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.

"Ini termasuklah program dwijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan membatikan kerjasama dengan Reutlingen University di Jerman," katanya.

Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Automotif hasil kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA).

"Manakala program dwijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan membatikan kerjasama dengan Reutlingen University di Jerman," katanya.

Daing Nasir berkata, bagi yang ingin menyambung pengajian dalam program pasca-siswazah, mereka boleh mengemukakan permohonan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan UMP Advanced Education (UAE).

Menurutnya, iam-enawarkan program pengajian berterusan, program pembangunan latihan profesional dan melaksanakan program pembelajaran sepanjang hayat untuk mereka yang berhasrat menyambung pengajian.

Beliau berkata, pelbagai

program diatur sepanjang dua hari program dijalankan antaranya program perkongsian pintar, khidmat bimbingan dan kaunseling IPT.

Katanya, orang ramai juga berpeluang melawat galeri dan makmal UMP serta merasai sendiri pengalaman kehidupan kampus bersama mahasiswa universiti.

"Mereka juga dapat menyaksikan pertandingan penyelidikan CITREX yang menghimpunkan lebih 300 produk penyelidikan berinovasi hasil ciptaan pelajar dan pensyarah universiti ini," katanya.

Beliau mengalui-alukan pelajar dan masyarakat sekitar untuk mengunjungi HTUMP kerana banyak input yang bakal diperoleh serta menjadi landasan terbaik kepada pengunjung.

Program itu juga menjadi platform dan perangsang ke-

pada pelajar dan masyarakat, justeru mereka perlumengambil peluang tersebut dengan sebaik mungkin dalam membuat pilihan kerja yang tepat di samping menyumburkan minat untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

HTUMP juga dimeriahkan dengan penganjuran Karnival Mahabbah anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan beberapa acara menarik seperti Kursus Kahwin Perdana, Bicara Hati Seorang Ibu dengan penampilan Fynn Jamal, Bicara Siswa I Am I Fateh, Jom Lepak Masjid Forum Muqarrabin bersama Pahang FM.

Pengunjung yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai HTUMP boleh menghubungi urusetia di talian 09-4245451 atau 09-549 2642.



Lepasan SPM dan STPM atau yang setaraf dengannya boleh mengisi borang permohonan kemasukan pelajar ke IPT yang akan berakhir pada 5 April ini.

SENTRAL